



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING

UKQE 3001 – 04

ASSIGNMENT 1: LAPORAN REFLEKSI


AKTIVITI 2: CHEER UP THE ZOO! @ ZOO JOHOR

DISEMAK OLEH: Dr. SYAHARIZATUL NOORIZWAN

DISEDIAKAN OLEH:

- ANIS IRYANY BINTI AFFENDI
- B19BS0003
- MANAGEMENT OF TECHNOLOGY (3 SBSD)
- AZMAN HASHIM INTERNATIONAL BUSINESS SCHOOL

1.0 PELAPORAN (REPORTING)



Poster 1



Gambar 1

Program *Cheer Up the Zoo!* Ini diadakan pada 19 November 2019 di Zoo Johor beralamat Jalan Gertak Merah, Taman Istana, 80000 Johor Bahru, Johor. Saya sertai program ini sewaktu saya semester 1 dibawah subjek Atribut Kejayaan Graduan (UHMT 1012) di Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Program *Cheer Up the Zoo* ini diaplikasikan menerusi program “Visible the Invisible”. Bagi menjayakan program ini, kami dibahagikan kepada 1 kumpulan yang terdiri dari 10 orang ahli dan bersepakat untuk menjalankan kerja khidmat masyarakat di Zoo Johor. Seramai 10 orang pelajar menyertai program ini termasuk diri saya sendiri. Program ini bermula pada 7.30 pagi sehingga 1.00 tengahari.

Objektif utama program *Cheer Up the Zoo!* ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada saya dan ahli yang lain berkenaan isu dan perihal semasa dalam komuniti yang ada pada hari ini. Khidmat Masyarakat tidak semestinya kepada manusia sahaja, malah haiwan juga kita boleh bantu dari segi sumbangan makanan, tempat berlindung dan sebagainya. Dengan adanya subjek ini di Universiti, saya dan ahli yang lain berkesempatan dan berpeluang memberi pendedahan dan kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pemeliharaan haiwan

terutamanya spesis terancam. Selain itu, program ini juga dapat mempratikkan nilai tanggungjawab dalam diri saya sendiri terhadap haiwan dan sekaligus dapat mengetahui kepentingan menjaga alam sekitar dan menyayangi haiwan.

Setibanya di Zoo Johor, kami disambut baik oleh pengurus Zoo Johor iaitu Puan Nazatul Nisa. Kemudian, Puan Nazatul memperkenalkan kami kepada penjaga zoo dan penjaga zoo memberi sedikit penerangan sebelum kami memulakan aktiviti. Setelah penjaga zoo selesai memberikan penerangan, kami dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu membersihkan kandang singa, seladang, gajah, tapir dan unta. 1 kumpulan terdiri dari 3 ahli. Saya berada di kumpulan membersihkan gajah, tapir dan unta. Menariknya, saya berpengalaman membersihkan kandang tapir seorang diri bersama penjaga zoo manakala ahli saya yang lain membersihkan tempat unta.

2.0 TINDAK BALAS (RESPONDING)



Gambar 2



Gambar 3

Program *Cheer Up the Zoo!* ini adalah program sukarelawan yang pertama pernah saya sertai. Selama ini saya hanya menyertai program khidmat masyarakat seperti rumah orang tua, jejak gelandangan, membersihkan perkampungan orang asli dan sebagainya. Program *Cheer Up the Zoo!* ini adalah program khidmat komuniti yang pertama saya sertai iaitu melibatkan haiwan. Perasaan saya sewaktu menyertai program ini adalah teruja, gembira dan tidak sabar untuk melakukan aktiviti ini kerana saya seorang yang mencintai haiwan dan tidak sabar untuk mendekati haiwan-haiwan tersebut. Ini pengalaman yang amat bermakna pernah saya lalui kerana saya pasti ramai diluar sana tidak berkesempatan untuk melakukan aktiviti seperti ini memandangkan sekarang negara kita dilanda COVID-19.

Apa yang saya perolehi dari program *Cheer Up the Zoo!* ini adalah program yang dapat memberi impak dalam diri saya sendiri. Saya dapat melihat dan mendekati tapir dan gajah. Memandangkan haiwan ini selalu kita dapat lihat dari jarak jauh sahaja, dengan melakukan aktiviti ini saya dapat mendekati, menyentuh dan bergambar dengan haiwan tersebut.

Antara aktiviti yang saya lakukan di kandang tapir adalah, saya membersihkan kolam dimana tempat mandi tapir dengan bantuan penjaga zoo. Terdapat 4 ekor tapir di Zoo Johor. Sebelum membersihkan kolam mandi tapir, tapir tersebut akan dikumpulkan di tempat tidur mereka dan diberi makanan supaya tidak mengganggu kerja-kerja pembersihan. Saya mencuci kolam tapir dan mengutip sampah serta daun-daun yang terdapat di kolam tersebut dan juga di seluruh kawasan kandang tapir. Perasaan saya melakukan aktiviti ini amat menyeronokkan dan juga berasa sedikit takut kerana kadangkala tapir itu mendekati saya secara tiba-tiba semasa saya sedang fokus membersihkan kawasan kolam tersebut. Atas nasihat penjaga zoo tidak perlu takut apabila tapir mendekati, kerana tapir itu suka mendekati apabila penjaga zoo membersihkan kandang tapir sebelum ini.

Aktiviti kedua yang saya lakukan di Zoo Johor adalah membersihkan kandang gajah bersama ahli saya yang lain iaitu Arman Hafiz dan Najwa Zafirah. Terdapat 2 ekor gajah di Zoo Johor. Seekor ibu dan seekor lagi anak. Setibanya kami di kandang gajah, gajah tersebut kelihatan sungguh ceria. Anak gajah itu berlari sekeliling dan kami ketika itu berasa teruja dan takut untuk masuk ke dalam kandang gajah. Antara tugas yang dilakukan adalah membersihkan sisa makanan dan najis yang ada di kandang tersebut. Sebelum menjalankan kerja-kerja pembersihan, gajah akan dilepaskan ke ruang lega bagi memudahkan kerja. Sewaktu inilah saya melihat anak gajah itu berlari keriang. Tetapi saya berasa sedikit risau kerana risau dan takut anak gajah itu akan rempuh saya. Selepas membersihkan kandang gajah, gajah-gajah tersebut akan dimandikan dengan menyiram air dan menggosok badan gajah dengan perlahan menggunakan berus yang lembut. Sewaktu mandikan gajah, anak gajah yang agresif itu mendengar kata apabila penjaga zoo menyuruh anak gajah itu baring. Jadi mudah urusan saya untuk memandikan gajah itu. Ini pengalaman yang takkan saya lupakan kerana pertama kali saya mandikan haiwan seperti ini.

Sukar untuk orang lain melakukan aktiviti ini. Saya berasa amat teruja dan gembira apabila memandikan gajah itu. Kemudian setelah selesai mandi, gajah-gajah tersebut akan diberi makan. Antara makanan yang diberikan ialah tebu dan rumput nipah.

3.0 KAITAN (RELATING)



Gambar 4



Gambar 5

Program *Cheer Up the Zoo!* adalah program yang memberi kesan dan impak dalam diri saya sendiri. Saya dapati program ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara ahli yang lain. Saya tidak pernah menyertai program seperti ini dan kebiasaannya saya hanya sertai program khidmat masyarakat seperti jejak gelandangan, rumah orang tua, membersihkan perkampungan orang asli dan sebagainya. Ini merupakan program pertama khidmat komuniti di Zoo dan dapat melihat dan mendekati haiwan di sana.

Banyak yang saya pelajari apabila melakukan program *Cheer Up the Zoo!* ini. Bukan sahaja mengenai nilai sivik dan tetapi juga merealisasikan apa yang kita sanggup buat pada masa depan untuk menyedari kepentingan diri untuk mengambil tanggungjawab secara pratikal pada mana-mana sahaja dan bila-bila masa sahaja. Misalnya, masyarakat boleh mengisi borang sukarela untuk membuat aktiviti khidmat komuniti di zoo. Setiap zoo membuka ruang untuk masyarakat yang ingin melakukan aktiviti sukarelawan. Apa yang saya perolehi apabila melakukan aktiviti ini adalah saya dapat mengetahui cara untuk mengendalikan haiwan, membersihkan haiwan dan kandang haiwan. Setiap haiwan mempunyai cara tersendiri untuk mengendalikan dan saya

bersama ahli yang lain perlu patuhi atas arahan yang diberikan oleh penjaga zoo supaya tidak terjadi sebarang perkara yang tidak diingini.

Seterusnya, saya berjaya menunaikan tanggungjawab sosial terhadap haiwan di Zoo Johor. Saya dapat membantu meringankan beban penjaga zoo menerusi khidmat membersihkan kandang haiwan, membersihkan haiwan seperti memandikan dan cara untuk mengendalikan haiwan. Malah saya juga berpeluang berinteraksi bersama haiwan dengan cara yang diajar oleh penjaga zoo. Menariknya, haiwan-haiwan di sana beri kerjasama yang amat baik dan memahami apa yang saya cuba berinteraksi. Saya amat terkejut dan teruja apabila melihat tindak balas dari haiwan tersebut.

Malah, menerusi program *Cheer Up the Zoo!* ini saya dapat mempelajari dan menyemarakkan semangat kerjasama sesama sendiri menerusi program ini. Kami saling bantu membantu sesama ahli bagi menyiapkan tugas untuk program ini seperti berhubung dengan pihak zoo, membuat kertas kerja, dan sebagainya. Kami membahagikan tugas dan ahli-ahli yang lain memberikan kerjasama yang baik. Selain itu, kami juga saling membantu tanpa mengira sama ada ahli tersebut melakukan tugas lain asalkan saya memperoleh manfaat kerjasama itu bersama. Di samping itu, semangat kerjasama ini juga dapat dilihat sepanjang berada di Zoo Johor. Saya dan ahli yang lain patuh atas arahan yang diberikan oleh penjaga zoo untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Seterusnya, saya dapat mengenali haiwan dan dapat memupuk perasaan kasih sayang terhadap haiwan. Saya sendiri pencinta haiwan dan membela seekor kucing dirumah jadi saya sudah pupuk perasaan kasih sayang terhadap haiwan yang lain. Pada waktu kini, seperti yang kita tahu terdapat pelbagai jenis kekejaman dan penderaan yang dilakukan terhadap haiwan seperti memburu haiwan bagi tujuan untuk membuat produk, mencederakan haiwan seperti mencurahkan minyak yang panas, melakukan haiwan seperti barang mainan contohnya menyepak haiwan, dan baru-baru ini

digemparkan seorang individu tergamak meletakkan kucing dalam mesin pengering dengan keadaan kucing tersebut sedang mengandung. Perbuatan ini dikategorikan sebagai sifat yang tidak berperikemanusiaan terhadap haiwan. Selain itu, haiwan juga kehilangan tempat tinggal disebabkan perbuatan tidak bertanggungjawab individu yang menceroboh kawasan hutan untuk kepentingan sendiri. Bagi mereka, haiwan adalah binatang yang tidak mempunyai perasaan dan sanggup digadaikan bagi kepentingan mereka sendiri. Oleh itu, apabila saya melakukan program dan aktiviti ini dapat memberi impak dalam diri saya sendiri agar memupuk kasih, cinta dan sayang terhadap haiwan. Saya sebagai pelajar dan juga masyarakat menyedari akan kepentingan hidupan habitat liar ini dan menentang sekerasnya perbuatan individu yang menganayai haiwan.

Di samping itu, saya juga dapat mengetahui rutin harian dan pengalaman penjaga zoo dalam menguruskan haiwan disana. Saya juga mengetahui kesusahan yang dihadapi oleh penjaga zoo untuk menguruskan haiwan liar seperti singa, dan harimau. Masyarakat luar hanya sekadar tahu rutin harian penjaga zoo ini adalah membersihkan dan memberi makan sahaja. Ternyata tidak, peranan penjaga zoo adalah mengambil dan menjaga kesihatan haiwan-haiwan di sana.

4.0 SITUASI DAN PERANAN (REASONING)



Gambar 6

Program *Cheer Up the Zoo!* ini banyak memberi kepentingan kepada diri saya dan ahli yang lain. Semestinya program ini banyak memberi impak. Saya sebagai pelajar dan juga masyarakat menyedari akan kepentingan dan tanggungjawab kita terhadap haiwan

Bagi saya, ia dapat melahirkan kerjasama yang bersepadu di antara ahli sukarelawan yang terlibat bagi menjayakan program ini. Kerjasama dan komunikasi sesama ahli amat penting dan telah menyumbang kepada kejayaan program ini. Ia diibaratkan seperti pepatah “bagai aur dengan tebing” Sebagai contoh situasi yang boleh dikaitkan apabila penjaga zoo meminta kami untuk patuhi akan arahan semasa melakukan pembersihan di kandang haiwan dan saya bersama ahli yang lain mengikut arahan tersebut. Selain itu, kami bekerjasama untuk menjayakan program ini, mempunyai kata sepakat dan berbincang jika mempunyai masalah.

Di samping itu, program *Cheer Up the Zoo* ini mengajar saya tentang sikap keprihatinan kepada haiwan. Menerusi program ini juga dapat memberi kesan terhadap diri saya dimana saya lebih menghargai haiwan disekeliling seperti kucing, anjing dan sebagainya. Haiwan juga perlukan perlindungan dan kita sebagai masyarakat perlu melindungi haiwan dari segala perbuatan yang tidak berperikemanusiaan.

5.0 MEMBINA SEMULA (RECONSTRUCTING)



Gambar 7

Akhir sekali, bagi penutup program *Cheer Up the Zoo!* ini saya mempelajari ilmu baru dimana sekiranya haiwan itu sakit, saya perlu menjaganya dengan lebih seperti membersihkan kandang dan merawat luka yang ada pada haiwan itu. Contohnya, saya melakukan tugas pembersihan di kandang tapir dan saya dapati ada beberapa luka di badan tapir tersebut, jadi penjaga zoo itu menunjukkan cara untuk rawat dan meminta saya untuk melakukan. Cara untuk merawat luka itu hanya sembur menggunakan penyembur yang dicadangkan oleh doktor haiwan yang menjaga Zoo Johor.

Selain itu, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan di program *Cheer Up the Zoo* ini adalah selain membuat aktiviti membersihkan kandang, saya juga bercadang bahawa kita boleh menyediakan satu arahan yang berkaitan penjagaan persekitaran zoo, tidak membuang sampah merata, tidak memberi makan ke haiwan sesuka hati dan menjaga kebersihan zoo untuk ditampal sepanjang persekitaran di zoo. Ia sedikit sebanyak dapat membantu pihak dan penjaga zoo untuk menangani jika ada segelintir pengunjung yang tidak patuh akan arahan. Malah, kami juga boleh

memperbanyak lagi aktiviti di Zoo Johor sebagai contoh membuat mural di dinding, kerusi dan batu untuk menceriakan suasana Zoo agar pengunjung berasa gembira.

Kesimpulannya, program *Cheer Up the Zoo!* ini dapat memberikan saya sedikit input yang berguna dalam memupuk cinta, kasih dan sayang terhadap haiwan dengan lebih mendalam dan saya juga dapat pengetahuan tambahan tentang cara dalam menguruskan haiwan yang mengalami kecederaan. Selain itu, saya juga dapat merasai pengalaman penjaga zoo dalam menguruskan haiwan seperti memberi makan, membersihkan kandang dan sebagainya. Akhir sekali, menerusi program *Cheer Up the Zoo!* ini juga dapat memberi kesan terhadap diri saya dimana saya lebih menghargai haiwan seperti kucing dan lain-lain. Haiwan juga mempunyai perasaan dan mereka juga perlukan kita untuk melindungi mereka. Jadi dari program ini, saya sedar peranan saya sebagai pelajar dan masyarakat terhadap haiwan.